



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10/5/2011



MEB: Malaysia lebih kukuh

PUTRAJAYA 9 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, cadangan-cadangan yang terkandung dalam laporan Model Baru Ekonomi (MEB), untuk merealisasikan Malaysia sebagai ekonomi berpendapatan tinggi, mampan dan inklusif, sedang ditransformasikan sebagai pelan tindakan.

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata, MEB yang memberi tumpuan terhadap lapan inisiatif reformasi strategik (SRI), akan dilaksanakan sepenuhnya bagi menjadikan Malaysia lebih kukuh dan kompetitif di dunia.

"Semua prinsip yang anda dimuatkan dalam MEB merupakan garis panduan yang sangat penting untuk kami.

"Ia merupakan semua reformasi yang akan menjadikan Malaysia le-

bih kukuh dan bersaing secara lebih kompetitif di dunia," kata Najib pada jamuan tengah hari untuk anggota Majlis Penasihat Ekonomi (NEAC), di pejabat beliau di sini.

Turut hadir Pengerusi NEAC Tan Sri Amirsham Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Sen Idris Jala dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

NEAC diwujudkan dua tahun lepas bagi menjalankan kajian dan mengenal pasti usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai ekonomi berpendapatan tinggi.

Hasil kajian dan cadangan oleh NEAC terkandung dalam dua laporan MEB yang diumumkan masing-masing pada Mac dan Disember 2010.

NEAC dalam laporan keduanya, menetapkan 53 dasar penting untuk

menangani halangan pengurangan kos untuk Malaysia menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, mampan dan inklusif menjelang 2020.

Ia menetapkan lapan SRI yang dikenal pasti dalam bahagian satu laporan yang menekankan modal insan berkemahiran tinggi, perkhidmatan awam yang cekap, mencergaskan sektor swasta dan peluang saksama untuk semua rakyat Malaysia.

MEB dirangka bersama-sama program lain seperti Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Bidang Keberhasilan Utama Negara, Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Belanjaan 2011, bagi menyokong objektif kerajaan mencapai status negara maju.

Najib berkata, setiap inisiatif itu kini diselenggarakan, dengan setiap ca-

dangan dikaji dan akan dilaksanakan.

Beliau berkata, lapan SRI itu merupakan bahagian yang sangat penting dalam Model Baru Ekonomi.

"Ramai rakyat memberi tumpuan terhadap ETP kerana ia lebih menarik dan mereka boleh melihat angka dan peluang. Orang ramai boleh melihat pelaburan berimpak tinggi dan pekerjaan baharu yang diwujudkan.

"Namun tanpa SRI, anda tidak dapat bergerak pada tahap yang dikehendaki," kata Najib.

Beliau berterima kasih kepada anggota NEAC atas perkhidmatan dan sumbangan mereka dalam menyediakan laporan MEB itu.

"Meskipun mereka akan memuktamadkan kerja pada akhir bulan ini dan hari ini menghadiri mesyuarat terakhir mereka, saya mahu ang-

gota majlis trus menyumbang kepada masa depan Malaysia.

"Saya mahu anda merasakan bahawa anda sebahagian daripada Malaysia," katanya.

"Dan, walaupun tugas anda sudah berakhir, anda merupakan sebahagian daripada projek ini dan terus sumbangkan masa depan untuk Malaysia," katanya.

Sementara itu, Amirsham mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberikan mereka peluang untuk menyumbang ke arah pembangunan Malaysia pada masa depan.

Beliau menyuarakan rasa puas hatinya terhadap respons segera kerajaan terhadap cadangan-cadangan oleh NEAC dan yakin dasar yang relevan akan dilaksanakan secara progresif. - BERNAMA